



UCAPAN
YBHG. DATO' HAJI ROSLI BIN ISA
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI HARIMAU SEDUNIA 2022
DI PAVILION BUKIT JALIL
31 JULAI 2022 (AHAD)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Yang Amat Mulia Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz
Presiden *World Wide Fund for Nature*, WWF Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Wahid Omar
Pengerusi *World Wide Fund for Nature*, WWF Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa
Pengerusi Maybank

Wakil Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
(PERHILITAN) Semenanjung Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanawataala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Sambutan Hari Harimau Sedunia 2022 anjuran WWF Malaysia dan Maybank.**
2. Pertamanya, saya ingin menyampaikan salam takzim daripada Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli. Beliau tidak dapat bersama-sama kita kerana ada urusan rasmi lain. Untuk itu, saya akan membacakan ucapan Yang Berhormat Datuk Seri pada majlis petang ini.
3. Saya merakamkan ucapan terima kasih di atas jemputan untuk menyampaikan ucapan bersempena Sambutan Hari Harimau Sedunia 2022 anjuran WWF Malaysia dan Yayasan Maybank.
4. Kita telah menyambut Hari Harimau Sedunia atau *Global Tiger Day* (GTD) pada 29 Julai 2022 yang lalu bagi **memupuk dan meningkatkan kesedaran masyarakat dunia mengenai kepentingan menjaga, memelihara dan memulihara spesies harimau.** Sambutan GTD sangat bermakna kepada negara-negara *Tiger Range Countries* (TRC) termasuk **Malaysia yang masih mempunyai spesies endemik iaitu Harimau Malaya atau nama saintifiknya *Panthera tigris jacksoni*.**
5. Harimau Malaya merupakan spesies ikonik Malaysia yang menjadi simbol Jata Negara. Harimau Malaya juga adalah sinonim dengan Maybank kerana Maybank telah menjadikannya sebagai identiti korporat.

6. Namun, spesies ikonik yang sering kali kita banggakan ini sedang **diancam kepupusan kerana populasinya berada pada tahap yang sangat membimbangkan**. Berdasarkan Survei Harimau Kebangsaan Pertama yang dilaksanakan mulai tahun 2016 hingga 2020, Harimau Malaya kita dianggarkan **kurang daripada 150 ekor** sahaja di habitat semula jadinya.
7. Dengan jumlah populasi ini, ***Red List of International Union for Conservation of Nature (IUCN)*** telah mengkategorikan spesies Harimau Malaya sebagai '***critically endangered***' iaitu spesies yang akan pupus dalam tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang sekiranya tindakan luar biasa (*extraordinary actions*) tidak diambil sekarang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Kepupusan Harimau Caspian, Bali dan Java perlu dijadikan iktibar agar tidak berlaku kepada Harimau Malaya kita. Rekod menunjukkan bahawa **pengurangan populasi Harimau Malaya adalah disebabkan antaranya kehilangan habitat dan sumber makanan akibat aktiviti pembukaan hutan dan perubahan guna tanah**. Selain itu, Harimau Malaya juga menjadi sasaran utama aktiviti pemburuan dan perdagangan haram disebabkan permintaannya yang tinggi di pasaran gelap.
9. **Kerajaan memandang serius krisis yang sedang kita hadapi dan komited dalam memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya di negara ini**. KeTSA telah mengadakan beberapa siri mini lab yang melibatkan pakar termasuk daripada Kerajaan-kerajaan Negeri serta wakil-wakil badan bukan kerajaan (NGO) seperti WWF Malaysia dan

Wildlife Conservation Society Malaysia (WCS) untuk mengenal pasti jalan penyelesaian terbaik bagi menangani krisis populasi Harimau Malaya. Hasilnya, Jemaah Menteri pada 16 Jun 2021 telah mempertimbangkan cadangan KeTSA dan bersetuju dengan tindakan-tindakan strategik bagi konservasi Harimau Malaya untuk tempoh 10 tahun bermula tahun 2021 hingga 2030.

10. **Salah satu tindakan tersebut ialah menubuhkan Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya (*National Tiger Conservation Task Force - MyTTF*) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri bagi menunjukkan kesepakatan dan komitmen tinggi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam menangani krisis populasi Harimau Malaya.**
11. Mesyuarat Pertama MyTTF yang diadakan pada 10 Januari 2022 antaranya telah bersetuju untuk **menghentikan penurunan populasi Harimau Malaya melalui rondaan penguatkuasaan dan pengawalan (*boots on the ground*), mengukuhkan habitat semula jadi Harimau Malaya melalui pengurusan guna tanah yang mampan serta memperkasakan instrumen kewangan inovatif dan skim akreditasi habitat Harimau Malaya.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. **Usaha menyelamatkan populasi Harimau Malaya bukanlah menjadi tugas Kerajaan semata-mata tetapi menjadi tanggungjawab kita bersama.** Ia memerlukan kerjasama erat semua pihak termasuk NGO seperti WWF Malaysia dan badan korporat seperti Maybank.

13. **Sebagai contoh, WWF Malaysia dan Maybank telah menyokong usaha-usaha pemuliharaan Harimau Malaya di Kompleks Hutan Belum-Temengor sejak tahun 2016** dengan meningkatkan bilangan rondaan dan pemantauan bagi membanteras pemburuan haram. Usaha ini adalah sangat dihargai kerana kawasan ini merupakan salah satu habitat utama Harimau Malaya.
14. **Kerjasama erat antara KeTSA dan NGO** seperti WWF Malaysia, WCS, Persatuan Pencinta Alam, Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia dan RIMAU **dalam konservasi Harimau Malaya sememangnya telah terjalin sejak sekian lama dalam pelbagai inisiatif** antaranya melalui operasi penguatkuasaan bersepadu bagi membanteras pencerobohan dan pemburuan haram hidupan liar serta pelaksanaan Survei Harimau Kebangsaan Pertama di landskap hutan-hutan *Central Forest Spine* (CFS) Semenanjung Malaysia.
15. Sinergi dengan NGO terus diperkukuhkan pada tahun ini melalui Program Pengurusan dan Perlindungan Harimau Malaya dan Hidupan Liar Terancam Lain di Landskap Taman Negara - Banjaran Titiwangsa (TNBT) di mana **KeTSA melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta kepada WWF Malaysia dan Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia untuk melaksanakan pemantauan populasi Harimau Malaya secara berterusan.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. **Kolaborasi dengan badan korporat pula telah diterjemahkan melalui pelbagai Memorandum Persefahaman (MOU) bagi**

meningkatkan konservasi hidupan liar dan habitatnya. Dalam hal ini, Jabatan PERHILITAN telah memeterai lebih daripada 6 MOU dengan badan korporat seperti Bursa Malaysia, FGV Holdings dan TNB Research Sdn. Bhd.

17. **KeTSA juga telah memeterai MOU dengan Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation (MPOGCF) bagi memperkukuhkan konservasi *ex-situ* Harimau Malaya** melalui penyelidikan, bina upaya serta program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam dengan dana sebanyak RM3 juta untuk tempoh 5 tahun bermula tahun 2021 hingga 2025.
18. **MOU bersama Persatuan Bolasepak Malaysia pula bertujuan untuk menyebarkan aspirasi konservasi Harimau Malaya** dengan menjadikan pasukan bola sepak kebangsaan yang turut dikenali sebagai pasukan Harimau Malaya sebagai ikon dan duta.

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Pengukuhan kerjasama strategik antara KeTSA, WWF Malaysia dan Maybank sewajarnya menjadi **pemangkin kepada penglibatan kolektif semua pihak dalam menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi konservasi Harimau Malaya.** Melangkah ke hadapan, saya berharap kita semua terus berganding bahu dan menggalas tanggungjawab dalam melindungi dan menjaga Harimau Malaya kita yang tidak ternilai untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

20. Saya juga menyeru semua lapisan masyarakat untuk menjayakan Kempen Selamatkan Harimau Malaya. Setakat ini, sebanyak RM1.6 juta telah diterima hasil sumbangan pelbagai pihak untuk menjalankan pelbagai inisiatif di bawah Kempen Selamatkan Harimau Malaya. Saya mendoakan agar kerjasama yang terjalin ini akan terus utuh demi masa depan Harimau Malaya dan masa depan kita.

21. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada WWF Malaysia, Maybank dan semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan Hari Harimau Sedunia 2022.

***Biodiversiti adalah kehidupan kita, warisan kita dan masa depan kita.
Selamat menyambut Hari Harimau Sedunia 2022!***

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.